

# Presiden baru akur cabaran tarik karyawan muda

SEBAGAI pengarah urusan Sypher Labs, sebuah firma teknologi maklumat, Encik Muhd Shamir Abdul Ramin sibuk dengan usaha meluaskan operasi firmanya.

Namun kesibukan itu tidak menghalang beliau daripada menyumbang secara sukarela kepada Angkatan Karyawan Islam (AKI) demi manfaat masyarakat.

Encik Muhd Shamir, 31 tahun, baru-baru ini dilantik sebagai Presiden AMP Muda menggantikan Encik Sakjandi Supaat.

Sebagai presiden baru sayap belia AMP itu, beliau nahu mendorong lebih ramai karyawan muda tampil menyumbang kepada masyarakat.

Dalam satu wawancara dengan *Berita Harian* baru-baru ini, beliau akur misinya itu agak mencabar – golongan karyawan muda sering sibuk dengan tugas dan membina keluarga daripada meluangkan masa berkhidmat secara sukarela.

Malah AMP Muda juga menerima saingan daripada pertubuhan-pertubuhan lain yang dabagikan penyeretaan golongan karyawan, terutama yang muda.

"Tentu sekali semua orang sibuk dengan tugas, kalau kita tunggu hingga ada masa lapang kita tidak akan dapat menyumbang. Bagi saya sendiri sekaranglah masanya untuk menyumbang kepada masyarakat," kata Encik Muhd Shamir.

Pengalaman Encik Muhd Shamir dalam kerja kemasyarakatan bermula semasa beliau bergiat dalam Persatuan Muslim Universiti Nasional Singapura (NUSMS).

Encik Muhd Shamir meraih ijazah sarjana muda dalam bidang sains bioperubatan dari Universiti Nasional Singapura (NUS). Semasa di NUS, beliau mengikuti program keusahawanan teknologi di Universiti Pennsylvania di bawah program Kolej Luar Negara NUS.

Awal dalam kerjayanya, beliau pernah bertugas di beberapa firma perubatan berbilang negara seperti Sanofi-Aventis dan Medtronic.

Kini ayah seorang anak itu menguruskan sebuah firma *start-up* yang menghasilkan sofwe komputer bagi kegunaan perniagaan.

Dalam rancangan meluaskan keanggotaan AMP Muda, Encik Muhd Shamir ingin meneroka pelbagai pentas – di ruang nyata dan dunia siber bagi menarik lebih ramai karyawan muda menyertai AMP.

"Anggota rangkaian tidak formal ini dapat menyumbang dari segi nasihat, kepakaran atau sebagai saluran sumber dalam usaha AMP Muda menjalankan kegiatannya," kata beliau.

Ditanya tentang pendekatan kepimpinannya bagi AMP Muda, Encik Muhd Shamir berkata beliau akan meneruskan usaha sama dengan para anggota AMP dan juga anggota badan-badan lain.

"Saya misalnya mempunyai hubungan akrab dengan pengerusi Kelab Mendaki, kami sering bertukar idea menerusi *WhatsApp*," ujar beliau.